

# INSAFLAH...! JIKA MAU INSAF

## QURAN AZIMAT, KHURAFAT-KHURAFAT DAN KARUT MARUT YANG MERENDAHKAN ISLAM

Apabila disebut sahaja Quran semua peringkat orang Islam tahu bahawa ia adalah kitab suci Islam yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad (SAW) melalui malaikat Jibril alaihisalam. Di dalamnya terkandung kisah Nabi-nabi dan umat-umatnya yang dahulu kala supaya menjadi bandingan dan tauladan kepada umat-umat pada akhir zaman ini. Di dalam kitab yang mulia itu jugalah diterangkan beberapa hukum dan undang-undang Allah yang mejadi pertunjuk dan pimpinan jiwa bagi tiap-tiap golongan manusia yang yakin mendapat kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

### Bagaimana Orang Mekah “Menjual” Kita

(Oleh Abdul Aziz Mursyidi)

Tetapi..... sayang..... sangat sedikit umat Islam pada zaman yang mutaakhirin ini, faham betul-betul akan tujuan hakiki yang dibawa oleh Al-Quran. Segala pati-pati pelajaran Islam tulen dan tujuan-tujuan suci yang terkandung dalam tiap-tiap lembaran Al-Quran itu tidak diambil perhatian dan terus tidak diamalkan sama sekali oleh umat-umat Islam sendiri. Kebanyakan umat Islam pada zaman ini tak lebih dan tak kurang memandang Al-Quran itu sebagai sebuah buku “nota muzik” yang hanya sedap dilagu-lagukan di dalam majlis-majlis keramaian dan dicorong-corong radio, tidak kurang pula bilangan kaum Muslimin yang hanya menyangka bahawa Al-Quran itu diturunkan sedar untuk dijadikan tangkal azimat digantung di muka pintu, di tengah-tengah rumah dan di leher kanak-kanak dengan tuuan menghalau hantu, menjauhkan syaitan dan menghindarkan dari terkena sampuk jin jembalang tanah kononnya. Kepercayaan umat Islam yang demikian telah diintip dan terus diketahui oleh musuh-musuh Islam dan dengan secara kulit mereka terus mengambil langkah menjadikan kitab-kitab suci, undang-undang agama Islam yang sanggup menjamin keselamatan pemeluk-pemeluk Islam yang beramal dan berpegang teguh dengannya itu, satu daripada barang perniagaan dunia yang terbesar dan maju di pasaran negara-negara Islam sendiri.

Bagi orang-orang Islam yang telah sampai ke Tanah Suci Islam (Makkah al-Mukarramah) tentu sekali telah menyaksikan dengan mata kepala sendiri bagaimana banyak dan larisnya Quran azimat yang dijual oleh saudagar-saudagar bangsa Arab kepada sekalian jamaah haji yang datang dari segenap pelosok dunia Islam, dan mereka itu harus bertanya di dalam hatinya sendiri dari manakah datangnya dan di negeri Islam manakah Quran-quran azimat ini dicetak??? Bagi orang-orang Islam yang tidak mengetahui asal-usulnya pula, sudah tentu mereka menyangka bahawa Quran-quran azimat yang mereka beli itu tentu sekali diperbuat oleh orang-orang Islam sendiri dan dicetak di dalam negeri-negeri Islam, kalau pun tidak dari Mekah umpamanya, tentulah dikeluarkan dari negeri-negeri Islam yang lain seperti Mesir, Syam atau Yaman.

Sangkaan mereka yang demikian itu adalah salah semata-mata. Menurut penyelidikan yang telah saya jalankan, dan mengikut suatu keterangan yang telah saya terima dari seorang sahabat saya yang bekerja dengan salah seorang saudagar Arab yang menjadi wakil tunggal di dalam perniagaan Quran azimat di Tanah Suci Mekah, maka terang dan nyatalah bahawa Quran azimat yang menjadi barang pasaran dan maju di seluruh dunia Islam (terutama sekali di pasaran Tanah Suci Mekah) adalah diperbuat dan dicetak di dalam negeri Czechoslovakia, kemudian dikirim ke seluruh dunia Islam

dijadikan barang pasaran yang utama oleh orang-orang Islam sendiri.

Jika dihitung panjang berapakah keuntungan yang telah didapati oleh orang-orang kafir sebagai musuh Islam itu, di dalam memperniagakan kitab-kitab suci Islam kepada orang-orang Islam sendiri??? Dan betapakah pula kerugian-kerugian yang ditanggung oleh umat Islam membeli kitab undang-undang agamanya dengan tidak menepati sebagaimana kehendak-kehendak dan tujuan-tujuan yang sebenarnya seperti yang telah difirmankan Allah:

*“Ima haza al-Quran yahdi lilalati hiya aqavam wa yabasyir al-mukninin al-lazina ya'malun as-solihat anna lahum ajran kabira. Wa inna al-lazini la yukminuna bi al-akhirat a'tadna lahum 'azaban alima.”* (Al-Israa' 15)

Ertinya: “Sesungguhnya Quran ini memberi petunjuk kepada jalan yang lebih lurus dan memberi kesukaan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amalan yang salih bahawa bagi mereka itu pahala yang besar. Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, itu kami janjikan bagi mereka itu azab neraka yang amat pedih.”

Inilah tujuan besar dan utama maka Quran itu diturunkan kepada manusia di muka ala mini – bukan hanya dijadikan tangkal azimat semata-mata digantung di muka pintu rumah dengan iktikad jadi penghalu hantu syaitan sebagaimana yang dipercayai oleh setengah-setengah orang-orang kita. Syaitan tidak akan takut dan lari melihat Quran yang hanya digantung sahaja, tetapi ia sangat takut sekiranya manusia dapat beramal dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Quran.

Oleh yang demikian tentu tidak menjadi hairan jika keadaan umat Islam zaman ini mundur, lemah kucar kacir, tak tentu tujuan, tak mempunyai semangat dan ikhtiar untuk menjari jalan kebahagiaan hidup di alam buana yang terbentang dengan luasnya ini, di manakah ketinggian umat Islam dan di manakah terletaknya kemuliaan kaum Muslimin yang telah diakui Tuhan di dalam kitab sucinya, yang telah dijamin oleh Rasul di dalam Hadith nabawinya???

*“Kuntum khairu ummatin ukhrijat*

*lunasi tak muruna bi al-ma'rufi*

*wa tanhauna 'ani al-munkar wa tu'minuna*

*billah”* – (Al-Imran)

“Kamu wahai umat-umat Muhammad, adalah sebaik-baik dan semulia-mulia umat yang dizahirkan di kalangan manusia supaya kamu menyuruh mengerjakan kebajikan dan melarang membuat kejahatan; serta percaya kepada Allah.”


*“Al-Islam ya'lu wala ya'la alaih.”*


- Al-Hadith As-Syarif

“Islam adalah satu agama yang tertinggi, tidak ada satu agama yang lebih tinggi daripadanya.”

Ya! Islam tetap tinggi, Islam tetap mulia, tetapi ..... umat Islamlah yang rendah. Pemeluk-pemeluknyalah yang hina kerana cuai, lalai dan tidak berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sejati. Umat-umat Islam sendiri telah berpaling dari ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya, kepercayaan-kepercayaan karut dan khurafat-khurafat palsu telah bercampur aduk dengan ajaran-ajaran Islam asli. Jika dihitung panjang 80 peratus daripada umat Islam hari ini yang masih mempercayai fahaman-fahaman jahiliyyah, mempercayai khurafat-khurafat palsu yang membawa kepada terhina dan jatuhnya nama umat Islam di mata dunia international, seolah-olah Islam adalah satu agama yang membawa fahaman-fahaman khurafat dan ajaran-ajaran palsu: Dalilnya dapat kita lihat sendiri manakala bapa-bapa dan saudara-saudara sekalian yang berada di Tanah Suci Islam Mekah pada masa menunaikan fardhu haji, di sana berbagai-bagai ragam dan golongan kaum Muslimin yang dijumpai dan bermacam-macam pula khurafat-khurafat palsu dan kepercayaan karut yang dapat disaksikan.

Satu daripada kepercayaan mereka yang karut itu, bahawa mereka beriktikad tiap-tiap suatu benda atau barang yang ada di Tanah Suci Mekah itu semuanya mengandungi “berkah”: Umpama tasbih yang datang dari negeri Jerman, celak dari India, pinggan mangkuk dari England, kain-kain dari Jepun dan





*Beginilah rupanya Quran yang dicetak di Czechoslovakia itu.*

-----\*-----\*-----

sebagainya, manakala telah dibawa masuk ke Mekah dan dijual di pasar-pasarnya sudah tentu mereka mengatakan ada mempunyai “berkah” mereka belum puas hati sekiranya barang-barang tersebut tidak mereka beli untuk dibawa balik ke tanah air masing-masing sebagai “berkah Mekah” pada hal semua barang-barang tersebut ada terjual di negeri masing-masing dan harganya pun tentu lebih murah dari harga yang dibelinya di Mekah, tetapi oleh sebab kepercayaan mereka bahawa barang-barang yang dijual di negeri mereka itu tidak ada berkatnya maka dengan harga yang berpuluh kali ganda pun terpaksa mereka beli dengan perasaan hati yang senang dan redha apa lagi pada masa itulah kaum-kaum kapitalis bangsa Arab memasang “gelung berkatnya” memperniagakan barang-barang “berkah” itu dengan harga yang berlipat-libat ganda.

Barang-barang yang dipercayai berkat oleh orang-orang Islam yang jahil dan bodoh itu, bukan sahaja barang-barang yang dijual di pasar-pasar Mekah bahkan sampah sarap yang ada di dalam Masjid Al-Haram dan tahi-tahi burung merpati yang jatuh di atas sejadah Baitullah itu juga mereka yakin ada mempunyai berkah

yang besar. Perhatikanlah: Manakalah turun sahaja hujan, maka berebut-rebutlah ahli-ahli berkah tadi menunggu-nunggu dibawah pancuran Kaabah dengan menadah tangan dan mengangkakan mulut masing-masing supaya air hujan yang turun dari pancuran Kaabah yang sudah tentu tercampur menjadi satu dengan tahi-tahi burung merpati! Itu dapat mereka minum dan mereka teguk melalui kerongkong dan terus memasuki perut. Di manakah akal fikiran umat-umat Islam, sehingga memperbezakan di antara barang yang najis dan suci mereka masih belum tahu, tak akan sebodoh ini umat Islam. Mereka memang mengetahui yang tahi burung itu najis dan kotor, tetapi kerana berharapan berkah, kotor dan najis itu tak kira, tolak belakang – tepuk dada tanya selera! La haulwala quwata illa billahi al-‘azim. Sampai begitu sekali kepercayaan karuf khurafat-khurafat palsu yang masih dipakai oleh pemeluk-pemeluk Islam pada zaman tamadun ini.

Bilakah masanya khurafat-khurafat yang merbahaya dan merugikan umat Islam ini akan dapat dihapuskan? Bagaimanakah jalannya supaya kepercayaan karut yang merendahkan taraf umat Islam ini dapat dikikis dari lubuk hati pemeluk-pemeluk Islam yang jahil? Marilah kita sama berfikir dan terus berkerja di dalam perkara ini. Kerana ini adalah suatu kewajipan besar yang mesti dipikul oleh alim ulama Islam seluruhny. Jika alim ulama Islam sendiri tinggal diam masih tidur siapakah lagi yang akan diharap untuk membetulkan perkara-perkara yang sudah tentu salah dan ditegah oleh undang-undang Islam sendiri.

*“Man raiya minkum munkaran falyughaiyiruh biyadhi fanlam yastadi’ fabilisanih wa in lam yastadi’ faqalbih wa zalika idhafah al-iman.”*

- Al-Hadiith As-Syarif.

“Siapa daripada kamu yang melihat akan suatu kemungkar, maka betulkan akan dia dengan tangan jika kamu tidak berkuasa, maka dengan lidah dan jika kamu tidak berkuasa juga maka dengan hati, itu adalah selemah-lemah iman.”

**Insaflah! Jika mau insaf!!!**